

# Abdullah tiba di New York hadiri Perhimpunan PBB, temui Bush

Um - 19/9/2006

NEW YORK 18 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di sini semalam, di mana beliau akan menyampaikan ucapan pada sesi ke-61 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Perdana Menteri tiba di Amerika Syarikat selepas menghadiri Sidang Kemuncak ke-14 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di Havana yang menyaksikan Malaysia menyerahkan jawatan Pengerusi NAM kepada Cuba.

Abdullah dijangka hadir di PBB pada Rabu ini tetapi sebelum itu beliau akan bertemu Presiden Amerika, George W. Bush pada hari ini.

Sebelum berlepas dari Havana, Perdana Menteri berkata, sebagai ketua sebuah negara Islam dan Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam

(OIC), beliau akan membangkitkan konflik di Asia Barat yang memberi kesan kepada umat Islam di seluruh dunia, pada pertemuan dengan Bush itu.

Abdullah dipetik sebagai berkata, banyak perkara yang beliau mahu bangkitkan, termasuk kepentingan keadilan dalam mengendalikan semua perkara.

Ada kemungkinan bahawa beliau akan bertanya kepada Bush tentang nasib dua rakyat Malaysia yang ditahan di Guantanamo Bay kerana disyaki sebagai penganas.

Laporan akhbar minggu lepas mengatakan bahawa dua rakyat Malaysia yang disenaraikan antara 14 disyaki penganas dipindahkan dari pusat penahanan rahsia Agensi Perisikan Pusat (CIA) di luar Amerika ke penja-

ra ketenteraan Amerika di Guantanamo Bay, Cuba.

Kenyataan White House menyebut selain Abdullah, Bush juga akan berjumpa lima lagi pemimpin dunia sewaktu persidangan agung itu iaitu Presiden Perancis, Jacques Chirac; Presiden El Salvador, Elias Antonio Saca; Presiden Honduras, Manuel Zelaya Rosales; Presiden Tanzania, Jakaya Kikwete dan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan.

Perdana Menteri juga dijangka bertemu bekas Presiden Amerika, Bill Clinton.

- Bernama

**ABDULLAH Ahmad Badawi disambut para pegawai Malaysia sejurus tiba di Hotel St. Regis di New York, semalam.**